

DISKUSI RINGKAS SEJARAH KETUANAN KUASA PERINTAH BERAJA DAN ISLAM SERTA PERKAITANNYA DI TANAH MELAYU

BRIEF DISCUSSION OF THE HISTORY OF RULER POWER AND ISLAM AND ITS RELATIONSHIP IN MALAYA

**Ishak Saat¹
Mohd Kasri Saidon²**

¹ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (Emel: ishakhj@fsk.upsi.edu.my)

² Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia (Emel: kasri@uum.edu.my)

Article history

Received date : 19-9-2023
Revised date : 25-9-2023
Accepted date : 29-10-2023
Published date : 14-11-2023

To cite this document:

Saat, I., & Saidon, M. K.. (2023). Diskusi Ringkas Sejarah Ketuanan Kuasa Perintah Beraja Dan Islam Serta Perkaitannya Di Tanah Melayu. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (58), 16 – 28.

Abstrak: Tanah Melayu atau sebahagian dari Malaysia kini merupakan antara komponen utama dalam wilayah besar dikenali umum dahulunya sebagai Alam Melayu. Di sinilah asal mulanya pengukuhan rumpun teras Melayu. Bangsa Melayu ini kemudiannya mencapai tahap kecemerlangan dan ketamadunannya setelah kedatangan Islam. Ketuanan Melayu yang terbina kukuh melalui institusi raja mencapai tahap terbaik setelah melaksanakan sistem pemerintahan Islam seperti terlaksananya sistem pemerintahan secara kesultanan bersendikan hukum kanun berteras Quran dan Sunnah. Penulisan ini disokong dengan penelitian terhadap dokumen sejarah serta kajian terdahulu bagi menguatkan hujah. Secara rumusnya diskusi ini menunjukkan bahawa keutuhan ketuanan Melayu dan Islam mencapai tahap yang kukuh setelah syiar Islam berjaya dilaksanakan khususnya seawal zaman Kesultanan Melayu Melaka yang dapat disandarkan sebagai contoh utama.

Kata kunci: Alam Melayu, Islam, Quran, sistem, Kesultanan

Abstract: Malaya or a part of Malaysia is now one of the main components in a large region commonly known in the past as Alam Melayu. This is the origin of the strengthening of the core Malay cluster. The Malay race then reached its level of excellence and civilization after the arrival of Islam. The Malay supremacy which was firmly built through the institution of the king reached its best level after implementing the Islamic government system such as the implementation of the sultanate system of government combined with canon law based on the Quran and Sunnah. This paper is supported by research on historical documents and previous studies to strengthen the argument. In summary, this discussion shows that the integrity of Malay and Islamic supremacy reached a strong level after the Islamic teachings were successfully implemented, especially as early as the Malacca Sultanate which can be relied upon as a prime example.

Keywords: Malay Nature, Islam, Quran, system, Sultanate

Pendahuluan

Sudah menjadi teras dalam akademik asas sejarah Malaysia berpaksikan kepada institusi raja, Melayu dan Islam. Ia merupakan rangka dasar atau tunjang kepada pembinaan negara di kebanyakan negeri-negeri Melayu yang lebih popular disebut sebagai Alam Melayu. Secara umumnya penghidupan Alam Melayu bermula dengan kehidupan animisme yang telah menjadi pegangan berabad lamanya, akan tetapi kedatangan Islam membawa kepada suatu anjakan paradigma dalam masyarakat Melayu terhadap sistem kepercayaan, adat, budaya, pendidikan dan alam kehidupan. Kemudian kefahaman dan kebangkitan Islam membawa gelombang kesedaran agama yang memperlihatkan Islam menjadi dominan dan berkembang di Alam Melayu dan Tanah Melayu khususnya.

Kebangkitan Islam boleh dilihat bermula dengan kedatangan Islam di Alam Melayu melalui era pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Abad ke-15 mencatatkan sejarah kedatangan Islam di Tanah Melayu yang diterima oleh semua pihak, walaupun terdapat bukti-bukti arkeologi yang menyatakan bahawa Islam datang ke Tanah Melayu lebih awal lagi. Contohnya, bukti arkeologi yang terdapat di Gunung Jerai, Kedah. Membongkar peranan Sheikh Abdullah bin Sheikh Ahmad dari Yaman yang sampai di Kedah sekitar tahun 1135 Masihi, tempat yang khusus dan dipersetujui oleh sejarawan tempatan ialah di kawasan Sungai Baboor (Sungai Merbok) dan kawasan Jerai, Kedah. Gunung Jerai juga dikenali sebagai Padang Tok Sheikh sempena nama Sheikh Abdullah yang berjaya mengislamkan Raja Kedah iaitu Maharaja Derbar Raja dan baginda menukar namanya kepada Sultan Muzaffar Shah.

Terdapat juga sokongan sumber arkeologi iaitu Batu Bersurat yang dijumpai di Kuala Terengganu, mencatatkan bahawa Islam sudah bertapak di Alam Melayu sejak abad ke-13 lagi. Ini adalah antara bukti bahawa kedatangan Islam di Alam Melayu merupakan satu proses secara langsung dari Tanah Arab, walaupun terdapat sumber-sumber lain yang menyatakan bahawa Islam datang melalui kegiatan perdagangan dari negara China dan juga India. Teori kedatangan Islam ini masih menjadi diskusi ilmiah hingga kini. Walau apapun yang cuba diutarakan oleh sejarawan sama ada sejarawan tempatan mahupun sejarawan Barat, namun yang jelas ialah Islam bertapak dengan suburnya sehingga menjadikan Alam Melayu sebuah Pusat Penyebaran Islam serta Pusat Perkembangan Intelektual yang termasyhur di seluruh Nusantara. Kemunculan Kesultanan Melayu Melaka mendaulatkan lagi peranan Islam di Alam Melayu. Penguatkuasaan Hukum Kanun Melaka memperkuat lagi Islam sebagai sebuah sistem pemerintahan (Jelani Harun, 2019).

Kajian Lepas

Merujuk pada kajian terdahulu, Auni Abdullah menjelaskan bahawa perkembangan Islam diusahakan oleh para ulama tradisional dengan dibantu dan disokong oleh institusi raja. Ulama tradisional mendapat laluan dan sokongan kuat dalam menubuhkan institusi pendidikan Islam bagi menjalankan pendidikan (tarbiyah) dan dakwah dalam kalangan masyarakat Melayu. Situasi ini membantu memartabatkan Islam di Alam Melayu (Auni Abdullah, 1991). Dakwaan ini turut disokong oleh teks klasik *Sulalatus Salatin* tentang peranan ulama dan intelektual Islam dalam keseimbangan Islam di rantau Melayu (A. Samad Ahmad, 1984). Namun perkembangan Islam mula tergugat dan terbantut setelah kedatangan orientalis Barat. Syed Muhammad Naquib Al-Attas menegaskan bahawa kedatangan penjajah telah membantutkan proses Islamisasi di alam Melayu (Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 1977). Justeru itu makalah ini akan menjelaskan lagi situasi cabaran Ketuanan Melayu dan Islam di Tanah Melayu dari kedatangan penjajah sehinggalah ke pasca merdeka. Proses orientalisme ini kemudiannya memberi kesan berpanjangan terhadap pemikiran Melayu Islam sebelum dan selepas merdeka.

Metodologi

Artikel ini akan mengutarakan diskusi tentang tafsiran sejarah Ketuanan Melayu dan Islam di Tanah Melayu. Cabaran yang dihadapi ini bukan sahaja institusi Ketuanan Melayu tergugat malah proses Islamisasi di rantau Melayu turut menerima kesannya. Dengan merujuk kepada sumber primer sejarah serta tafsiran kajian sarjana terdahulu maka makalah ini ingin memperjelaskan secara lebih lanjut tentang situasi yang dihadapi oleh institusi raja dan juga masyarakat Melayu. Situasi ini akhirnya menyebabkan proses perkembangan Islam dan kecemerlangan tamadun Melayu menerima kesan yang berpanjangan sehingga pemikiran masyarakat Melayu Islam gagal melihat Islam sebagai sebuah agama progresif dan gagal menjadi umat contoh dalam menyebarkan Islam dalam kalangan non-muslimin. Ianya kekal menjadi diskusi akademik dan sosial yang berpanjangan hingga ke hari ini.

Analisis dan Perbincangan

Penjajahan dan proses pembaratan akhirnya membuatkan dunia penguasaan mutlak Melayu Islam mengecil dan susut dominasinya. Hatta pemerintahan Islam di Alam Melayu mulai dikikis satu per satu sehinggakan Islam hanya menjadi sebuah agama yang tiada bezanya dengan sistem kepercayaan agama-agama lain. Perkara ini akhirnya menjadi sebuah agama yang bersifat ritual semata-mata (Ishak Saat, 2011). Lantaran itu, era penjajahan di Tanah Melayu ini membuatkan Islam mulai dijajah dan perkembangannya semakin terhalang. Sesungguhnya gerak kerja orientalis Barat berjaya membentuk pemikiran Melayu Islam terhadap agama Islam itu sendiri.

Ketuanan Melayu

Ketuanan Melayu merupakan sebuah ungkapan kuasa dan keunggulan bangsa ke atas sesebuah tamadun. Bangsa Melayu merupakan serumpun etnik yang pada suatu masa dahulu merupakan sebuah ketuanan yang terunggul di rantau gugusan kepulauan Melayu merangkumi seluruh Asia Tenggara. Ia pernah menjadi penguasa yang mentadbir benua Nusantara. Melalui kerajaan Kesultanan Melayu Melaka, Ketuanan Melayu dilihat sebagai sebuah kuasa unggul di zaman kegemilangannya. Keunggulan dari segi empayar dan penguasaan merangkumi aspek-aspek seperti Pusat Perdagangan Antarabangsa, Pusat Penyebaran Islam, Pusat Persuratan Melayu, Pusat Intelektual Islam dan juga Pusat Kebudayaan Melayu dan Islam. Kepimpinan politik Melayu ketika itu mampu menguasai dan menjajah hampir keseluruhan Asia Tenggara malah bagi kerajaan-kerajaan yang tidak dijajah oleh Ketuanan Melayu mereka menyatakan tanda taat setia serta memperakukan kekuasaannya. Kecemerlangan kepimpinan politik Melayu Islam khususnya di bawah penguasaan Kesultanan Melayu Melaka berjaya mengangkat martabat bangsa Melayu ke satu tahap yang membanggakan dan tercatat dalam sejarah ketamadunan Melayu, bangsa Melayu pernah menguasai dunia rantau sebelah timur. Terdapat tiga komponen penting dalam persoalan kebangkitan Ketuanan Melayu yang tidak boleh di pandang remeh iaitu Institusi Raja, Ketuanan Melayu dan Agama Islam. Ketiga-tiga komponen ini berjaya menjulang bangsa Melayu hingga akhirnya memiliki sebuah tamadun yang boleh dibanggakan.

Kedatangan imperialis Barat merubah segala-galanya, Ketuanan Melayu telah diperkotak-katikkan malah dasar campur tangan dan dasar pecah perintah yang diamalkan oleh mereka berjaya meleburkan kekuasaan politik kepimpinan Melayu Islam di Nusantara. Perancangan dan muslihat orientalis Barat yang berbekalkan semangat pembelaan maruah serta penebusan kekecundangan mereka itu dilakukan dengan penuh penelitian rapi agar segala muslihat dan niat jahat mereka itu tidak dapat dikesan serta tidak dirasai oleh orang Melayu di peringkat awal kedatangan mereka. Akhirnya kekalahan dan kehancuran tamadun Melayu Islam terpaksa dibayar dengan kehancuran penguasaan politik dan kepimpinan Melayu Islam rantau ini (Ishak

Saat, 2016). Namun sekadar merasa bangga dengan pencapaian tamadun Islam, apakah ia mampu mengangkat Ketuanan Melayu kembali kepada satu tahap yang pernah dimiliki? Atau sekadar berbangga dan berpuashati apabila sejarah silam dunia Melayu diperdengarkan?

Latar belakang Kepimpinan Melayu Islam di Tanah Melayu

Sejarah mencatatkan bahawa kepimpinan Melayu terletak di bawah penguasaan golongan raja. Melihat kepada sejarah awalnya, suatu kisah yang penuh dengan kisah-kisah mitos dan khayalan kerana di situ terselit unsur-unsur dewa dan kayangan. Sebelum kedatangan Islam, bangsa Melayu mempunyai hubungan yang agak rapat dengan ajaran Hindu Buddha malah mereka beranggapan bahawa raja berkait rapat dengan kedewaan dan rakyat adalah hamba raja. Raja berkuasa sepenuhnya ke atas hambanya dan boleh bertindak sesuka hati tanpa boleh dipersoalkan. Di sinilah bermula konsep dewa raja dalam aspek kepimpinan di dalam masyarakat Melayu (Siddiq Fadil, 1998).

Dalam mitos asal usul dewa raja selalunya para dewa diletakkan dalam golongan bertaraf tinggi malah melebihi daripada taraf manusia biasa. Demikianlah rapatnya hubungan masyarakat Melayu dengan pegangan ajaran Hindu. Kedatangan Islam mengangkat martabat bangsa Melayu daripada bertuhankan sesama makhluk kepada beriman kepada Allah SWT. Walau bagaimanapun di awal kedatangan Islam masih terdapat unsur rekaan yang termuat dalam perjalanan sejarah Ketuanan Melayu. Menurut kitab Melayu kuno, *Sulalatus Salatin*, menjelaskan bagaimana proses suatu bangsa yang bergelar Melayu itu dianugerahkan kepada raja untuk ditadbir dengan penuh amanah dan tanggungjawab. Melalui Waadat Sumpah Setia antara Demang Lebar Daun dengan Seri Teri Buana (A. Samad Ahmad, 1984).

Melalui sumber sastera sejarah ini, membuktikan secara tradisinya lembaran baru bahawa bangsa Melayu yang memperoleh pemimpin dan pemerintah dalam kehidupan. Walaupun sumber ini sekadar di dalam satira sastera Melayu sahaja, namun dalam kehidupan masyarakat Melayu peranannya amat besar hingga ke hari ini hubungan masyarakat Melayu dengan raja Melayu amat unik dan istimewa.

Konsep Feudal Raja-raja Melayu

Di Tanah Melayu zaman tradisi memperlihatkan peranan sebuah institusi raja dan sistem pemerintahan yang menyerlahkan pengaruh amalan Hindu-Budha dan Islam. Pengaruh ini memperkuat zaman tradisi Melayu melalui institusi politik dan kepimpinan di kepulauan Melayu. Pandangan ini turut disokong oleh sarjana tempatan, Ramlah Adam:

“Bagi institusi Raja Melayu Semenanjung Tanah Melayu, pengaruh Hindu Sri Wijaya, telah memberi asas kepada kewujudan institusi Raja Melayu Melaka dan negeri-negeri Melayu lain yang terbentuk dari kewujudan empayar Melayu Melaka pada kurun ke-15 yang lalu. Sistem politik berunsur Hindu itu telah diteruskan tetapi dengan kedatangan Islam di Melaka pada awal kurun 15, institusi Raja Melayu mendapat satu lagi kekuatan. Ini telah menguatkan legitimasi kewujudan institusi raja itu dari segi perspektif Islam, dengan melihat raja itu sebagai wakil Tuhan di dunia atau khalifatullah. Dalam erti kata lain, pemerintahan dan menjaga kebajikan rakyatnya menggunakan ajaran-ajaran Islam sebagai dasar hukum-hukumnya”,

(Ramlah Adam. 1998)

Asas sistem politik feudal dan pemerintahan Melayu tidak dapat dipisahkan daripada ajaran Hindu dan Islam kemudiannya. Namun kekuatan kedatangan Islam telah merubah segala-galanya. Dari konsep "Dewa raja" kepada konsep "Kesultanan Melayu" (Siddiq Fadir, 1998). Apabila membicarakan persoalan kepemimpinan Melayu maka persoalan *daulat* dan *derhaka*, amat penting. Dalam masyarakat Melayu, apabila membahaskan persoalan ketaatan kepada raja maka ia tidak boleh menidakkan pula persoalan tentang *daulat* dan *derhaka*. Bagi masyarakat Melayu tradisi ketaatan kepada raja tidak boleh berbelah bahagi. Seandainya timbul persoalan ingkar kepada raja maka ia boleh disamakan dengan derhaka kepada raja. Namun dari kaca mata hari ini persoalan tersebut boleh dikatakan sebagai ketaatan membuta tuli di dalam masyarakat Melayu zaman tradisi. Sarjana Zainal Abidin Abdul Wahid, menjelaskan konsep tersebut:

'This power was not merely derived from the fact that he could exercise many rights but the Malay masses themselves accorded the ruler with what could be termed as 'blind loyalty'....'. "There are two traditional Malay concepts which would have a strong influence on the people. One is called daulat and the other derhaka"

(Zainal Abidin Abdul Wahid, 1979).

Bagi bangsa Melayu konsep ini amat sehati dengan prinsip kehidupan mereka. Pepatah Melayu berbunyi, "*Pantang Melayu derhaka kepada raja*", terlalu mendalam dan menjiwai masyarakat Melayu. Bagi bangsa Melayu raja memiliki *daulat* yang amat tinggi dan tidak boleh sekali-kali menderhakainya. Seandainya penderhakaan terjadi maka seseorang itu akan ditimpa ketulahan (*daulat*) dan penghinaan yang teramat besar lagi dahsyat sehinggakan perbuatan ini tidak boleh dimaafkan. Lantaran itu, apabila raja membuat sesuatu keputusan dan arahan maka rakyat wajib melaksanakan perintah tersebut. Dalam masyarakat Melayu tradisional apabila menerima sesuatu arahan raja maka akan sering kedengaran disambut dengan ungkapan kata-kata; "*Perintah tuanku patik junjung di atas batu jemala patik, ampun tuanku*". Tidak pula kedengaran istilah menyanggah atau membangkang perintah tersebut. Namun ini tidak bermakna bahawa di zaman Kesultanan Melayu tidak terdapat golongan atau pemimpin yang cuba menyanggah perintah raja. *Sembah derhaka* ada dilakukan dalam sejarah Melayu. Sebagai contoh; watak Hang Jebat yang menyanggah perintah raja kerana tidak puas hati dengan arahan hukum bunuh terhadap Hang Tuah. Akhirnya sehingga ke hari ini ungkapan kata-kata yang menjadi pegangan sesetengah orang Melayu, "*Raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah*". Dalam kes sebegini, watak Hang Tuah mewakili golongan orang Melayu yang menerima sahaja segala perintah raja tanpa mempersoalkannya, bersesuaian dengan pegangan masyarakat Melayu umum ketika itu. Manakala watak Hang Jebat pula mewakili golongan orang Melayu dewasa hari ini yang akan memikirkan dahulu sesuatu arahan serta perintah itu sama ada wajar diterima atau ditolak kerana penilaian sesuatu arahan dan perintah itu mestilah dengan penuh kewarasan dan keadilan.

Dalam masyarakat Melayu tradisi, mentaati raja merupakan suatu amalan mulia. Segala keinginan raja mestilah dipenuhi hatta sehingga terpaksa menggadai nyawa sekalipun. Kedudukan raja di mata masyarakat Melayu sebelum Islam umpama tuhan, sesuai dengan konsep dewa raja yang diutarakan dalam amalan ajaran Hindu-Buddha. Namun setelah kedatangan Islam segala-galanya berubah daripada sistem pemerintahan yang dipengaruhi amalan Hindu-Buddha, Alam Melayu beralih pula kepada zaman Islam. Walaupun di peringkat awal kedatangan Islam masih terdapat unsur Hindu-Buddha, namun proses Islamisasi terus berlaku dan ia memerlukan tempoh masa yang panjang untuk menghakis amalan Hindu-Buddha yang menyelubungi dan bertapak agak sehati di dalam masyarakat Melayu ketika itu.

Berlakulah apa yang dikatakan sebagai zaman peralihan, unsur budaya Hindu-Buddha beransur-ansur melalui proses Islamisasi.

Alam Melayu yang beralih pula kepada era Melayu Islam yang akhirnya membawa kepada satu tahap ketamadunan yang unggul dan ternama. Islam mengangkat bangsa Melayu ke tahap yang gemilang bukan sahaja dari segi agamanya tetapi kecemerlangan Islam turut merubah sistem hidup merangkumi bidang politik pemerintahan dan sistem kenegaraan. Alam Melayu melalui proses Islamisasi secara revolusi yang membawa kepada perubahan menyeluruh di dalam kehidupan masyarakat Melayu. Sesuai dengan pandangan Auni Abdullah:

"... perkampungan Islam yang meluas di serata pelosok rantau ini telah mencetuskan satu revolusi dari dalam yang bukan hanya memurnikan aqidah dan akal para penduduknya bahkan juga mentauhidkan amalan politik dan pemerintahan."

(Auni Abdullah. 1991)

Pengislaman raja membawa kepada pengislaman seluruh masyarakat Melayu. Keadaan ini berlaku kerana prinsip orang Melayu yang berpegang teguh kepada konsep taat dan setia terhadap raja. Lantaran itu, apabila raja menukar agama, maka secara logik dan prinsipnya orang Melayu akan turut serta melakukannya tanpa mempersoalkannya. Hal yang demikian ini merupakan bukti kukuh hubungan antara hamba dan raja dalam masyarakat Melayu, dengan ertikata lain orang Melayu berpegang teguh dengan prinsip "*Taat setia yang tidak berbelah bahagi terhadap raja*". Kedatangan Islam telah mengubah prinsip pemerintahan beraja yang diwarisi daripada ajaran Hindu-Buddha kepada prinsip Islam yang berteraskan kepada ajaran Islam dengan bersumberkan Quran, Sunnah, ijmak dan qias. Perkembangan ini membawa kepada kemunculan sistem *khalifah* atau *Sultan* dalam pemerintahan Melayu tradisional. Islam menitikberatkan proses merubah sistem politik pemerintahan kerana ia membawa impak besar terhadap hala tuju sesebuah negara. Oleh kerana Alam Melayu mengalami perubahan drastik dalam penerimaan Islam sebagai landasan kehidupan bermasyarakat dan hala tuju politik kepimpinan negara maka beberapa dasar dan undang-undang telah dibentuk bagi membantu pelaksanaan Islam di Alam Melayu antaranya ialah *Hukum Kanun Melaka*, *Undang-undang Laut Melaka*, *Undang-undang Melayu Kedah* dan *Undang-undang 99 Perak* serta lain-lainnya (Mohd. Jamil Mukmin, 1994). Undang-undang dan hukum ini berasaskan kepada syariah Islam. Di zaman inilah Islam mencapai era kegemilangan dan ketamadunan Melayu Islam yang terbilang sehingga tercatat dalam sejarah peradaban dunia bahawa Ketuanan Melayu pernah memiliki sebuah tamadun tersendiri.

Kesultanan Melayu Melaka mencapai zaman kegemilangan selama 42 tahun (1446-1488) di bawah pemerintahan tiga orang sultan iaitu Sultan Muzaffar Syah (1446-1456), Sultan Mansur Syah (1456-1477) dan Sultan Alauddin Syah (1477-1488) (Mohd. Jamil Mukmin, 1994). Kepimpinan Melayu dibantu rapat oleh beberapa pemimpin seperti Bendahara Paduka Raja Tun Perak dan juga Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir yang digambarkan dalam catatan sejarah memiliki kepimpinan dinamik dan cemerlang (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1979). Kecemerlangan kepimpinan mereka mampu membawa Melaka keluar daripada sebarang kemelut politik rantau Melayu. Kepimpinan politik yang dimiliki oleh mereka menjadikan Melaka sebuah empayar yang kukuh dan digeruni oleh kerajaan-kerajaan Nusantara lain. Kecemerlangan politik dan kepimpinan Melayu tidak sekadar di dalam lingkaran zaman Kesultanan Melayu Melaka semata-mata tetapi ia juga turut cemerlang di dalam zaman kemudiannya seperti era Kesultanan Melayu Johor di bawah kepimpinan Sultan Abdul Jalil

Syah III (1623-1677), dengan bantuan Laksamana Tun Abdul Jamil yang mampu mengambil alih peranan Melaka setelah kejatuhan Empayar Melaka di tangan Portugis. Begitu juga zaman Kesultanan Melayu-Riau, di bawah pemerintahan Raja Haji (1778-1784) yang berjaya serta mampu menyekat kekuasaan Belanda di Alam Melayu.

Gerakan menjelajah, menjajah dan imperialisme Barat membantutkan proses Islamisasi di rantau Alam Melayu. Kedatangan penjajah Barat seperti Portugis, Belanda dan kemudiannya British berjaya menyekat proses Islamisasi. Impak kedatangan orientalis Barat yang silih berganti menyebabkan lonjakkan ketamadunan Melayu Islam mengalami perubahan ke arah modenisasi Barat yang secara tidak langsung telah meninggalkan Alam Melayu dari trek asalnya iaitu Islam. Persoalannya kenapa rantau Melayu sebelah sini menerima serangan bertubi-tubi dari pihak orientalis Barat dalam usaha mereka meluaskan pengaruh dan melakukan dasar imperialisme? Jawapannya, usaha terancang ini dilakukan untuk menyekat kebangkitan Islam di rantau Melayu. Hubungan Alam Melayu yang rapat dengan Kesultanan Uthmaniah Turki. Melihat kepada kejatuhan Kesultanan Uthmaniah Turki di bawah kepimpinan Sultan Abdul Hamid maka para orientalis merasakan bahawa kesinambungan pemerintahan Kesultanan Islam berpontensi cemerlang dan berkembang adalah di Alam Melayu. Lantaran itu, usaha penuh komited dilakukan oleh mereka bagi membendung kebangkitan Islam di Alam Melayu.

Di sebalik kedatangan penjajah, faktor kemarahan dalaman masyarakat Melayu juga tidak boleh diabaikan. Perpecahan masyarakat bawahan serta perebutan takhta kekuasaan raja-raja Melayu yang akhirnya mengundang kemasukan kehormat kuasa Barat. Kemasukan mereka dengan mendapat laluan istimewa daripada penguasa Melayu yang kemaruk kuasa kerana perebutan kuasa kerajaan. Dengan kemasukan kuasa Barat ini proses untuk melaksanakan dasar imperialis menjadi lebih mudah. Demi mengekalkan kuasa feudalisme, mereka sanggup mengadaikan hak ketuanan pusaka bangsa serta mempertaruhkan masa depan Ketuanan Melayu serta politik kepimpinan Melayu akhirnya tercalar (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1979). Fenomena ini bermula di negeri Kedah apabila Sultan Muhammad Jiwa mengundang bantuan Francis Light pada tahun 1771 untuk membantu Kedah dalam berhadapan dengan serangan Siam. Akhirnya Kedah tertipu dan Pulau Pinang menjadi pegangan British. Di Perak pula melalui peristiwa perebutan takhta Kesultanan Melayu Perak oleh Raja Abdullah yang bertindak dengan mengundang Sir Andrew Clarke yang mewakili pihak British pada tahun 1874. Campur tangan British dalam urusan politik dan kepimpinan Kesultanan Melayu Perak mencalar sejarah politik Melayu dan Islam di Tanah Melayu. Maka teretus peristiwa Perang Perak tahun 1875. Demi ingin mengekalkan kekuasaan maka maruah dan Ketuanan Melayu digadaikan tanpa pertimbangan yang waras. Lalu di sini sistem Residen mula diperkenalkan.

Negeri-negeri Melayu yang lain turut melalui tragedi yang sama seperti Kesultanan Melayu Selangor pada tahun 1874, Sultan Abdul Samad meminta Frank Swettenham mencampuri urusan pewaris Kesultanan Melayu Selangor dan akhirnya melantik beliau sebagai Penasihat Sultan. Juga Kesultanan Melayu Pahang tahun 1888. Kemudian nasib yang sama turut menimpa Kesultanan Melayu Negeri Sembilan, Datuk Kelana telah mengutus surat jemputan kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat agar campur tangan dalam menyelesaikan masalah perebutan takhta Yang di-Pertuan Negeri Sembilan pada tahun 1895 bagi mengalahkan Datuk Bandar. Kemenangan Datuk Kelana dengan bantuan British telah menyebabkan Negeri Sembilan terpaksa menerima perlantikan seorang Penolong Penasihat Sultan daripada British dan dilantik menganggotai struktur Kesultanan Negeri Sembilan. Kenapa fenomena ini terjadi? Apakah mereka sudah hilang pertimbangan dan sudah tidak lagi memikirkan persoalan Ketuanan

Melayu. Namun yang pastinya kerana perpecahan dan kegilaan kuasa politik maka segala-galanya boleh dipertaruhkan. Kesempatan ini membolehkan penjajah mula membina gerakan orientalisme dan memohon bantuan daripada para orientalis untuk menjayakan perancangan mereka dalam usaha menguasai dunia Islam. Pihak penjajah juga menganggap mereka sebagai perintis yang berusaha memperkenalkan idea-idea orientalisme, menjalankan dakyah, meniupkan api persengketaan dan perbalahan dalam masyarakat Islam (Sa'adduddin Al Sayyid Salih, 1996).

Pihak imperialisme beranggapan jemputan raja-raja Melayu merupakan suatu kesempatan dan peluang keemasan yang tidak boleh dibiarkan begitu sahaja. Kesempatan yang sudah lama dinanti-nantikan demi menjayakan perancangan misi mereka di timur.. Maka kesempatan di rantau Melayu ini tidak harus diabaikan. Pencabulan imperialis Barat tidak melemahkan semangat jihad umat Melayu Islam. Walaupun imperialis Barat memperoleh kunci ke pintu politik dan pemerintahan Alam Melayu secara percuma, namun semangat pejuang dan keazaman orang Melayu untuk membebaskan diri dari dikongkong dan diperbodohkan oleh imperialis Barat tetap dilakukan dengan berbekalkan jihad Islam yang tinggi. Melalui peranan para ulama di alam Melayu perjuangan membebaskan diri diteruskan.

Perkembangan Pendidikan Islam

Pendidikan Islam di Alam Melayu mempunyai catatan sejarah yang cukup panjang. Pendidikan Islam dengan menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa penghantar seawal abad ke-17. Para mubaligh Arab yang berdagang di Tanah Melayu mengajar ilmu-ilmu Islam dengan menggunakan Bahasa Arab dan sedikit Bahasa Melayu. Pada peringkat awalnya Islam diajar secara tidak formal. Sukatan pelajaran adalah berdasarkan kepada Quran dan Sunnah. Di Tanah Melayu, apabila penyebaran Islam semakin menyeluruh dan diterima umum maka pendidikan Islam dijalankan secara formal seperti rumah tok-tok guru, surau, masjid, kelas Quran, institusi pondok dan madrasah. Institusi pondok dan madrasah sememangnya terkenal di Tanah Melayu dan berkembang luas di Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Kedah, Perak dan Selangor (Ishak Saat, 2012). Islam berkembang di Alam Melayu melalui peranan para ulama dan intelektual Islam yang waktu itu mendapat tempat di dalam masyarakat Melayu dari peringkat istana sehinggalah ke peringkat masyarakat umum. Keakraban hubungan ini membawa kepada perlantikan para ulama sebagai tenaga penting di dalam istana dan juga di dalam masyarakat seperti pegawai istana, guru istana, mubaligh negara, pembesar dan penasihat raja. Hal yang demikian ini membolehkan mereka berperanan dalam menyebarkan dakwah kepada seluruh lapisan masyarakat.

Menurut catatan Munsyi Abdullah dalam Hikayat Munsyi Abdullah, sekolah Quran didirikan di beberapa negeri antaranya di Melaka, Pulau Pinang dan Singapura. Institusi pendidikan ini merupakan sekolah formal pertama yang dijalankan di Tanah Melayu sebelum merdeka, khususnya sebelum tertubuhnya sekolah Melayu. Institusi pondok terawal yang wujud di Tanah Melayu ialah sekitar abad ke-17, didirikan oleh Sheikh Abdul Malik bin Abdullah (Tok Pulau Manis) (1678-1736) mendapat kebenaran daripada Sultan Zainal Abidin I, Sultan Terengganu untuk mendirikan sekolah pondok di Pulau Manis, Manir, Terengganu (Abdul Aziz Mahmud & Ishak Saat, 2009). Manakala dalam catatan sejarah Tanah Melayu, sekolah Melayu pertama didirikan ialah Sekolah Melayu Gelugor, Pulau Pinang pada tahun 1819. Pada tahun 1854, sekolah-sekolah Quran telah diambil alih oleh *East Indian Company* untuk menyalurkan bantuan penuh tetapi dikenakan syarat iaitu mesti memasukkan mata pelajaran akademik seperti membaca, menulis dan Ilmu Hisab. Kemudian bagi memudahkan penyelenggaraan dan prasarana yang sesuai untuk sekolah-sekolah Quran ini, ditempatkan di sekolah-sekolah

Melayu dan dijalankan di sebelah petang. Dengan berbuat demikian segala kemudahan yang terdapat di sekolah Melayu dapat dimanfaatkan bersama (Abdul Aziz Mahmud & Ishak Saat, 2009).

Kepimpinan Melayu Warisan Timur Tengah

Percubaan mengatur fakta secara *ilmiah* bahawa Islam tidak datang terus ke Kepulauan Melayu dari Tanah Arab merupakan suatu usaha licik untuk menghilangkan keyakinan penganut Islam dalam kalangan orang Melayu tentang keakraban hubungan antara mereka dengan Tanah Arab. Sudah menjadi kepercayaan dan pegangan turun-temurun dalam sejarah keseluruhan negeri Melayu bahawa mereka menerima Islam dari Tanah Arab atau daripada salah seorang syekh atau seorang sayyid atau seorang wali Allah dari Tanah Arab (Malaysia Kita, 1991). Sesungguhnya sarjana Barat berjaya membawa pelbagai fakta dan sumber bahawa Islam datang ke Tanah Melayu dari sumber China dan India. Usaha ini perlu dilakukan agar orang Melayu merasa jauh dan tidak rapat dengan dunia Arab. Sebenarnya kedatangan Islam di Alam Melayu ini terbukti dengan terjumpanya Batu Nisan Teluk Cik Munah, Permatang Pasir, Pekan, Pahang dalam tahun 1028 Masihi. Inskripsi ini mengandungi ayat suci Al-Quran dan syair dalam bahasa Arab. Kemudian diperkuat lagi dengan terjumpanya Batu Bersurat di Sungai Teresat, Kuala Berang, Terengganu bertarikh 1303 Masihi. Inskripsi Batu Bersurat Terengganu ini tercatat teks Melayu tulisan jawi yang menerangkan tentang hukum-hakam Islam. Bukti kukuh ini menunjukkan bahawa Islam bukan sekadar bertapak dalam aspek amalan seharian tetapi jauh lebih mendalam yang merangkumi aspek hukum dan juga politik pemerintahan bernegara. Dengan terjumpanya bukti-bukti kukuh ini bolehlah disimpulkan bahawa hubungan pihak pemerintah dengan para *da'i* Islam amat rapat dan keistimewaan antara mereka dalam mencorakkan kepimpinan Melayu di Alam Melayu. Hubungan pihak istana dengan para ulama dalam menguruskan pemerintahan Kesultanan Melayu amat rapat. Hubungan intim dan saling bantu-membantu telah membuatkan segala urusan pentadbiran berjalan dengan lancar bersandarkan kepada syiar Islam (Auni Abdullah, 1991).

Keperibadian dan sifat kepimpinan yang dinamik dalam kalangan para ulama menyebabkan mereka diterima masyarakat Melayu dan kemudiannya muncul sebagai pemimpin masyarakat di Alam Melayu. Ada di antara mereka bukan sekadar menjadi guru agama semata-mata tetapi turut juga terlibat dalam institusi pemerintahan, selaku penasihat dan pakar rujuk kepada para sultan. Usaha para ulama dalam mentarbiyah masyarakat mendapat bantuan dan perhatian pihak istana. Pentarbiyahan yang diusahakan oleh para ulama ini dijalankan melalui pengenalan institusi pondok (Awang Had Salleh, 1977). Melalui institusi pendidikan ini berjaya melahirkan golongan ulama tradisional dalam kalangan orang Melayu. Malah ia juga berjaya melahirkan kesatuan pemikiran dalam kalangan orang Melayu yang lebih bersifat terbuka dan berfikiran rasional dalam berhadapan dengan masyarakat majmuk kemudiannya. Namun kedatangan imperialis Barat pada abad ke-16 dan ke-17 berjaya membantutkan proses Islamisasi di rantau Melayu dan kemudiannya abad ke-18 hingga ke-20 pula memperlihatkan penerusan proses Islamisasi yang terhenti sejenak kerana gangguan para orientalis Barat melalui kegiatan orientalisme (Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 1977).

Proses Islamisasi memperlihatkan peranan institusi istana berkait rapat dengan institusi pendidikan Islam kerana kesinambungan perkembangan Islam di Alam Melayu semakin kukuh dan tidak dapat digugat. Selaras dengan peranan kedua-dua institusi tersebut di masa lalu, ramai ulama mendapat sokongan pemerintah untuk mendirikan pondok ataupun mendapat pelbagai kemudahan untuk menjalankan kegiatan pendidikan. Suasana kondusif ini berlaku kerana ketokohan dan keperibadian luhur mereka itu, memudahkan untuk mendapat sokongan para

pemerintahan di Alam Melayu. Di antara tokoh ulama yang mendapat sokongan dan bantuan dari pihak istana ialah Sheikh Ahmad Malik bin Abdullah (Tok Pulau Manis) di Terengganu, bagi menjadikan Pulau Manis sebagai sebuah Pusat Pengajian Islam bersistemkan pendidikan pondok yang terbesar di negeri tersebut. Tidak ketinggalan juga Syeikh Abdul Kadir bin Abdul Rahim Al-Fatani (Tok Pulau Duyung) mendapat bantuan daripada Sultan Baginda Umar, Raja Terengganu. Manakala di Kelantan pula fenomena yang sama turut berlaku. Haji Abdus Samad bin Haji Abdullah (Tok Pulau Condong), pengasas sistem pengajian pondok di Kelantan mendapat sokongan daripada Sultan Muhammad II. Di Pahang pula, Haji Othman bin Haji Senik (Tok Montok), mendapat kepercayaan Raja Pahang, Sultan Ahmad untuk mendirikan sebuah institusi pondok di Pekan (Auni Abdullah, 1991).

Kemunculan tuan-tuan guru di Alam Melayu sebagai pakar rujuk dan pemimpin masyarakat berjaya mewujudkan *realignment of forcé* dalam masyarakat. Perkembangan ini boleh mengubah suasana sosiobudaya dan membentuk kehidupan baru sehingga perjuangan perkampungan yang berkisar kepada persekolahan dan ulama pondok mengalami tranformasi dari segi bentuk (*form*) dan isi (*content*). Begitulah umumnya keadaan setelah ulama pondok membuat keputusan untuk melibatkan diri dalam sistem politik dan pemerintahan (Muhammad Abu Bakar, 1997).

Institusi-institusi pondok ini melaksanakan sistem pendidikan yang diterajui oleh para tuan guru dan mereka mempunyai pengaruh yang cukup besar di dalam masyarakat Melayu. Hal yang demikian ini merupakan sebuah wahana yang menghubungkan masyarakat Melayu dengan para cendekiawan Islam. Keadaan ini turut memainkan peranan penting dalam mendidik anggota masyarakat dalam usaha menjiwai Islam secara syumul. Lantaran itu, kemudiannya para pelajar yang mendapat pendidikan melalui sistem pondok ini akan melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi iaitu ke Timur Tengah. Proses perlanjutan pengajian ilmu ini membuka lembaran baru dalam arus kebangkitan Islam di rantau Nusantara kemudiannya.

Kepimpinan ulama dalam kalangan mereka itu bukan sekadar menjadi guru pondok semata-mata tetapi mereka turut menjadi penasihat dan tempat rujukan berkaitan permasalahan agama, sama ada dirujuk oleh masyarakat umum mahupun dirujuk oleh para pemerintah kesultanan Melayu waktu itu. Kecemerlangan ini terserlah bukan sekadar menjadi guru agama sahaja tetapi peranan ulama turut diterima di peringkat antarabangsa. Dakwaan ini boleh dibuktikan dengan menyingkap sejarah ketokohan ulama Melayu seperti berikut; Syeikh Daud Al Patani (1741-1847M), Syeikh Abdus Samad Al Palembangi, Syeikh Ahmad Khatib Sambas, Syeikh Nawawi Banten (1818-1888M), Syeikh Ahmad Zain Al Fatani (1856-1908M) dan Syeikh Ahmad Khatib Al-Minangkabawi (1864-1916M). Mereka berjaya menempa nama yang gemilang di Kota Makkah Al-Mukarammah. Mereka diberikan penghormatan untuk menjadi tenaga pengajar di Masjidil Al-Haram (Auni Abdullah, 1991). Fakta ini menunjukkan hubungan silaturrahim antara ulama Melayu dengan ulama Timur Tengah atau dengan ulama dunia Islam yang lain. Para ulama Melayu turut menunjukkan minat yang tinggi dalam senario politik dunia Islam, yang sedang berhadapan dengan era penjajahan Barat. Di Timur Tengah waktu itu lahir sebuah gerakan Islam atau gerakan reformis Islah Islam yang dipelopori oleh gerakan *Ikhwanul Muslimin* (Abdul Muta'al Al-Jabari, 1987).

Gerakan Ikhwan di Mesir di bawah kepimpinan ulama moderate seperti Hassan Al Banna dan Syed Qutub berjaya menanam dan meledakkan semangat gerakan Islah Islam untuk menentang kuasa Barat khususnya British di bumi Mesir waktu itu. Melalui kepimpinan mereka ini semangat jihad menentang kezaliman penjajah berjaya disebarkan dalam kalangan para kader

Islam dari seluruh pelosok dunia, khususnya bagi mereka yang sedang melanjutkan pengajian di Universiti Al-Azhar. Dalam masa yang sama ketika itu seluruh dunia Islam sedang menerima nasib yang sama dengan Mesir iaitu dijajah oleh kuasa Barat. Alam Melayu turut tidak terkecuali. Justeru itu, mereka ini menjadi sumber inspirasi perjuangan *Fi Sabilillah*, di dalam masyarakat Melayu Islam khususnya di Tanah Melayu yang sedang dikuasai oleh imperialis British (Harun Din, 1985).

Semasa British dan sekutu-sekutunya menjajah Alam Melayu para ulama memainkan peranan yang cukup besar dalam mencetuskan kesedaran gerakan penentangan terhadap kuasa Barat. Institusi pondok dan madrasah telah menjadi markas dan bilik gerakan untuk merancang penentangan terhadap para imperialis Barat. Tindak balas oleh penjajah dilakukan demi untuk menyekat kebangkitan perjuangan Islam. Mereka menindas, mengugut, mengancam dan menangkap para pejuang Islam di Alam Melayu. Melalui Akta Pertubuhan tahun 1920 dan kemudiannya Akta Darurat 1948 kawal selia pertubuhan Islam dilakukan dan kemudian mereka bertindak dengan lebih berani untuk menangkap dan memenjarakan tokoh-tokoh pejuang Islam agar dapat membendung kegiatan mereka (Ishak Saat, 2011). Pihak British bertindak lebih berani lagi dengan mengarahkan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu melalui peranan raja-raja untuk membendung kegiatan dakwah dan jihad para ulama. Namun ugutan dan ancaman tidak pula mematikan semangat jihad yang mereka miliki.

Bila membicarakan tentang bangsa Melayu maka ia tidak boleh lari dari turut memperkatakan tentang Islam kerana antara Melayu dan Islam sudah menjadi sinonim, dua perkara yang tidak boleh dipisahkan. Hatta dalam tafsiran perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah menguatkan lagi hujah bahawa Melayu dan Islam merupakan suatu kesatuan yang saling lengkap dan melengkapi (Hashim Musa, 1977). Justeru itu, apabila pihak orientalis Barat cuba memisahkan antara kehidupan duniawi dengan kehidupan akhirat terutama dalam aspek politik dan kepimpinan maka muncul golongan Melayu Islam yang sensitif serta bangkit menentang. Mereka ini terlalu sensitif dan merasakan bahawa para orientalis Barat atau dengan istilah popular waktu itu iaitu golongan "*kafir*" atau "*kufur*" ini mesti ditentang kerana mereka datang ke Tanah Melayu dengan tujuan untuk mengkristiankan orang Melayu. Sikap orang Melayu waktu itu, apabila memperkatakan sesuatu isu yang berkaitan dengan pegangan agama maka dengan mudah mereka merasa terpanggil untuk membelanya. Dari sudut Islam pula semestinya sifat membela kedudukan Islam wajib dilakukan kerana ia merupakan suatu tuntutan agama. Apabila menyingkap sejarah perjuangan orang Melayu menentang penjajah Barat maka banyakkah pemaparan peristiwa penentangan dan perjuangan orang Melayu dalam membela agama, bangsa dan negara yang terpaksa melalui jalan yang cukup sukar.

Kepimpinan Melayu warisan Timur Tengah merupakan suatu aspek penting di Alam Melayu. Hubungan intim kedua-duanya tidak dapat dinafikan. Malah sumbangan politik warisan Timur Tengah terlibat suatu tempoh yang cukup panjang. Ia meninggalkan kesan yang cukup mendalam dalam masyarakat Melayu. Namun kedatangan kuasa imperialis Barat akhirnya merubah segala-galanya. Dunia Melayu semakin jauh dengan realiti keintiman dunia Islam. Hubungan yang suatu masa dahulu begitu akrab hanya tinggal hubungan diplomatik formal antara dua buah kerajaan sahaja. Namun kesan tinggalan warisan Timur Tengah dalam sosiobudaya masyarakat Melayu masih menebal khususnya dalam aspek budaya, politik, sosial, pendidikan, adab dan juga ekonomi. Usaha bersungguh-sungguh untuk mengembalikan zaman keintiman dan kegemilangan Islam di Alam Melayu seandainya diteruskan suatu hari ini akan menjadi realiti, kerana asas pembinaan Islam di dunia Melayu sudah terbina sekian lama. Tapaknya masih ada, tunggak kepimpinan Melayu terletak kepada barisan kepimpinan Melayu

dewasa ini. Sama ada pemimpin politik mahupun pewaris Kesultanan Melayu. Lantaran itu, seharusnya mereka sedar akan tanggungjawab dan peranan sebenar dalam usaha memartabatkan Ketuanan Melayu. Sesungguhnya sejarah warisan ini seharusnya dijadikan panduan dan pengajaran agar bangsa Melayu kembali berdaulat, cemerlang, gemilang dan terbilang.

Ketuanan Melayu bukanlah suatu perkara yang perlu dicurigai oleh apa juga bangsa dan agama lain di Malaysia ini. Sejarah telah membuktikan keutuhan agama dan keharmonian sosial telah sedia dinikmati berabad lamanya di nusa Melayu ini. Apa juga aspek dalam penghidupan sosial khususnya dimasa lampau hatta sebelum pembaratan menjadi kukuh dengan episod penjajahan agama dan perlaksanaan perintahnya tidak pernah mengugat mana-mana bahagian kemanusiaan dan peluang kehidupan setiap warga yang berlindung dibawahnya. Tidak dinafikan lagi kuasa dan pelaksanaan yang berteraskan agama ini telah membimbing dan menjadi panduan berabad lamanya. Kesuciannya jelas, yang mengubah suasana ia langkah pelakunya sahaja. Namun ia adalah lumrah kehidupan dimana idealisme agak terbuka sifatnya.

Kesimpulan

Walau di mana jua bangsa Melayu berada, arus kebangkitan Islam tidak dapat ditolak atau dibendung. Kekuatan utama adalah keutuhan kepercayaan terhadap keagamaan itu sendiri. Kebangkitan Islam merupakan suatu peristiwa yang pasti datang. Era alaf baru ini merupakan era kebangkitan Islam. Islam yang lebih progresif perlu ditonjolkan. Sama ada kita bersamanya ataupun berada di pihak yang menentangnya. Perkara ini pasti akan muncul dan berjaya menguasai dunia. Kebangkitan Islam di Malaysia tiada bezanya dengan kebangkitan Islam di mana-mana bahagian dunia. Namun pendekatan yang diambil dan dilalui oleh masyarakat Malaysia dalam berhadapan dengan arus kebangkitan Islam mungkin berbeza antara satu negara dengan negara yang lain. Yang pastinya kebangkitan Islam akan menempuh cabaran dan rintangan. Sebelum Islam berjaya dilaksanakan, pastinya ia akan diuji. Hal yang demikian ini bukan bermakna Islam itu tidak baik atau tidak mampu tetapi cabaran dan rintangan serta dugaan ini adalah untuk menguji para pendukung perjuangan Islam itu sendiri. Apakah mereka benar-benar mampu memikul tanggungjawab tersebut? Apakah mereka sudah bersedia atau tidak? Tugas memikul tanggungjawab besar ini memerlukan para pendukung yang benar-benar menjiwai tuntutan perjuangan Islam yang bersifat universal. Akhirnya, di pasca merdeka ini kebangkitan Islam di Malaysia lebih bersifat terbuka dan rasional serta dapat memberikan kefahaman kepada masyarakat bukan Islam, lebih-lebih lagi Malaysia adalah sebuah negara majmuk. Fenomena ini membuatkan perkembangan dan kebangkitan Islam di Malaysia lebih menarik lagi untuk dikaji. Apapun yang perlu diingat fakta sejarah bahawa Ketuanan Melayu, gemilang, cemerlang dan terbilang apabila berpaksikan kepada Islam. Umat Melayu Islam sewajibnya menjadi Umatan Wasatan (Umat contoh) agar Islam berkembang dan diterima oleh semua pihak. Diskusi tentang sejarah Islam, ketuanan, kemajuan, kemunduran dan kebangkitan tidak pernah putus selagi mana agama Islam tetap kukuh pengamalannya dan semakin difahami oleh jutaan umat dunia kini.

Rujukan

- _____ . (1991). *Malaysia Kita*. Kuala Lumpur. Intan.
- A. Samad Ahmad. (1984). *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Aziz Mahmud dan Ishak Saat. (2009). *50 Tahun Pendidikan Islam di Malaysia*. Putrajaya. Bahagian Pendidikan Islam. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Abdul Muta'al Al-Jabari. (1987). *Zaman Penyiksaan Penjara dan Tali Gantung*, dlm. Syeikh Fakhruddin Mohammad Taha (terj.) Kuala Lumpur. GG Edar.
- Auni Abdullah. (1991). *Islam Dalam Sejarah Politik dan Pemerintahan Alam Melayu*, Kuala Lumpur. Nurin Enterprise.
- Awang Had Salleh, "Institusi Pondok di Malaysia", dlm. Zainal Kling (ed.). (1977). *Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur. Utusan Publications.
- Harun Din. (1985). *Manusia dan Islam*, Kuala Lumpur. Watan.
- Hashim Musa, "Pengantar", dlm. Firdaus Abdullah. (1977). *Simposium Kepimpinan Melayu 1976*, Kuala Lumpur. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ishak Saat. (2011). *Radikalisme Melayu Dari Perak 1945-1970*. Penang. Universiti Sains Malaysia.
- Ishak Saat. (2012). *Politik & Masyarakat Melayu Perak*. Batu Pahat. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).
- Ishak Saat. (2016). *Warisan Kepimpinan dan Ketuanan Melayu 1945-2013*. Batu Pahat. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).
- Jelani Harun. (2019). "Sastera Undang-undang dan Ketatanegaraan: Panduan Kerajaan Melayu". dlm. *Warisan Manuskrip Melayu*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mohd. Jamil Mukmin. (1994). *Melaka, Pusat penyebaran islam di Nusantara*, Kuala Lumpur. Nurin Enterprise.
- Muhammed Abu Bakar, "Ulama Pondok dan Politik Kepartian di Malaysia, 1945-1985", dlm. Norazit Selat (ed.). (1997). *Ekonomi dan Politik Melayu*. Kuala Lumpur. Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ramlah Adam. (1998). *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Sa'adduddin Al Sayyid Salih. (1996). *Strategi Musuh Menentang Islam; Motivasi Kesedaran Minda Ummah*, dlm. Basri Ibrahim (terj.), Kuala Lumpur. Darul Un'man.
- Siddiq Fadil. (1998). *Minda Melayu Baru*. Kuala Lumpur. Institut Kajian Dasar.
- Syed Muhammad Naquib Al Attas. (1977). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya. Angkatan Belian Islam Malaysia.
- Zainal Abidin Abdul Wahid, "Glimpses of The Malaccan Empire I", dlm. Zainal Abidin Abdul Wahid (ed.). (1979). *Glimpses of Malaysian History*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.